

16 JUN 1998

GERAKAN DESA WAWASAN DIPERHEBATKAN

MARANG, 16 Jun (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan melancarkan fasa ketiga Gerakan Desa Wawasan (GDW) bulan depan melibatkan 600 buah kampung lagi.

Pelancaran dijadual dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Menteri berkenaan Datuk Annuar Musa.

Katanya fasa kedua gerakan itu tamat baru-baru ini melibatkan 1,200 kampung dan matlamat kementerian kini ialah untuk memperhebatkan gerakan meliputi kampung-kampung terpencil termasuk kampung orang asli.

"Kita sedang menjalankan program turun ke bawah untuk melihat dengan lebih terperinci masalah pelaksanaan dan peruntukan bagi GDW," katanya pada majlis perasmian Kampung GDW di Kampung Kelulut, di sini petang semalam.

Annuar berkata dalam kegawatan ekonomi kini, GDW menjadi satu kaedah yang berkesan dalam menggerakkan masyarakat sama ada dalam bentuk menggalakkan pengeluaran makanan dan penjimatan.

Mengikut program GDW, tenaga penduduk sesebuah kampung itu digembleng melalui bantuan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan untuk membangunkan kampung masing-masing.

-- BERNAMA

IB RON